

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI  
JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA  
TERENGGANU

OLEH  
AHMAD SHAHZAL BIN YAHAYA  
SARJANA MUDA PENGURUSAN  
( POLISI DAN SEKITARAN SOSIAL )

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA  
JABATAN EKOLOGI SOSIAL  
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA  
( KUSTEM )

2004

1100045507 c/w: 5237

PERPUSTAKAAN  
KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA  
(KUSTEM)

Pengarang	No. Panggilan
Ahmad Shahrial Yahaya.	L1
Judul Latihan Industri di Jabatan Kastam . . .	FPE 1 2004

Tarikh	Waktu Pemulangan	Nombor Ahli	Tanda tangan

QW: 5237

1100045507

Kolej

Perpustakaan

Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)



LI 1 FPE 1 2004



1100045507

Laporan akhir latihan industri di Jabatan Kastam DiRaja  
Malaysia Terengganu / Ahmad Shahrizal Yahaya.

**PERPUSTAKAAN**

KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA  
21030 KUALA TERENGGANU

1100045507	

Lihat sebelah

HAK MILIK  
**PERPUSTAKAAN KUSTEM**

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI  
JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA TERENGGANU**

**OLEH**

**AHMAD SHAHRIZAL YAHAYA  
UK7420  
Sarjana Muda Polisi Dan Sekitaran Sosial**

**Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada**

**Jabatan Ekologi Sosial  
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi  
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)**

**2004**

**1100045507**

**LAPORAN LATIHAN PRAKTIKAL  
DARI 21 MAC 2004 HINGGA 12 JUN 2004  
DI KASTAM DIRAJA MALAYSIA TERENGGANU**

**PERAKUAN HAKCIPTA**

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang atau membuat salinan mana-mana bahagian bab, ilustrasi atau isi kandungan ilmiah ini dalam apa jua bentuk dan cara samaada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Dekan Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia.

**Pengesahan Keaslian Laporan**

Dengan ini saya Ahmad Shahrizal Bin Yahaya, dengan ini mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus SOS 4999 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berdasarkan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), Kustem tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Tandatangan:



(Ahmad Shahrizal Bin Yahaya)

Tarikh: *24/10/04*

Disahkan oleh:

---

**Prof. Madya Dr. Saharuddin**

**Bin Dato' Abd Hamid,**

**Timbalan Dekan I,**

**Fakulti Pengurusan dan Ekonomi,**

**Pengerusi Jawatan kuasa Latihan Industri,**

**Kolej Universiti Sains dan Teknologi**

**Malaysia (KUSTEM).**

---

**Prof. Madya Hj. Zakaria Bin Mat,**

**Penyelia Latihan Industri,**

**Kolej Universiti Sains Dan Teknologi,**

**Malaysia. ( KUSTEM).**

<b>PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
<b>CORAK PENTADBIRAN JABATAN</b>	<b>2</b>
<b>BAB 1 : LATAR BELAKANG JABATAN KASTAM</b>	
<b>DIRAJA MALAYSIA TERENGGANU</b>	
1.1 Pengenalan	5
1.2 Sejarah Penubuhan Jabatan Kastam Diraja	7
Malaysia Terengganu	
1.3 Latar Belakang JDKRM Terengganu	9
1.4 Struktur Organisasi	13
1.5 Objektif Jabatan	15
1.6 Bidang Tugas Peringkat Negeri dan Stesen	27
Rangka Latihan Industri Syarikat	53
1.7 Kesimpulan Bab	56
<b>BAB 2 : PENGENALPASTIAN MASALAH</b>	
2.1 Sistem Yang Sedia Ada di JDKRM Terengganu	57
2.2 Penemuan Di Setiap Bahagian	65
2.3 Kekuatan Dalam JKDRMT	70
2.4 Keburukan & Kelemahan Dalam JKDRMT	75
2.5 Peluang @ Strategi Untuk Membangunkan JKDRMT	80
2.6 Cadangan/Penyelesaian	82

## **BAB 3 : PENUTUP**

3.1	Kesimpulan	<b>90</b>
-----	------------	-----------

## **RUJUKAN**

## **LAMPIRAN**

## **PENDAHULUAN**

Latihan praktis merupakan kursus teras Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia ( KUSTEM) yang diwajibkan kepada pelajar sebagai syarat untuk mendapatkan ijazah. Maka para pelajarnya juga diwajibkan untuk menjalani latihan praktiks tersebut. Bagi kursus Sarjana Muda Pengurusan Polisi Dan Sekitaran Sosial, latihan ini mengambil masa selama dua belas minggu di mana dalam masa tersebut , para pelajar diberi pendedahan mengenai alam pekerjaan di samping mempraktikkan teori yang dipelajari sebelum ini.

Kemahiran dari segi pemerhatian dan praktikal adalah penting dalam memastikan keberkesanan di dalam latihan praktikal. Sebagai contoh, di Jabatan Kastam saya telah mengenali beberapa asas profesional dan ini akan menjadi asas persediaan kepada alam pekerjaan kelak. Selain daripada itu melalui latihan praktikal ini juga, saya dapat menyatukan teori-teori yang telah dipelajari dengan mengaplikasikannya.

Latihan praktikal ini juga membolehkan saya menghayati dan meneliti objektif penubuhan sesuatu organisasi. Di sini saya dapat mengetahui kemahiran untuk mengenalpasti keberkesanan objektif organisasi dan dapat melihat sejauh mana objektif organisasi itu boleh dicapai atau dipraktikkan.

Dalam pada itu, latihan praktiks ini dapat memberi peluang kepada saya untuk melatih diri dalam penyediaan laporan secara efektif. Terutamanya dalam kemahiran analisa memberi peluang kepada saya untuk mengenalpasti kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman bagi sesebuah organisasi.

Walaubagaimanapun, melalui latihan praktiks ini juga saya telah didedahkan dengan pelbagai dinamik di dalam organisasi melalui kursus pengurusan yang telah diambil. Selain itu, saya juga diberi pendedahan untuk menjalankan program bersifat experiential. Segala kemahiran akan dapat mewujudkan sikap positif dalam menghadapi cabaran dialam pekerjaan yang akan datang.

## **CORAK PENTADBIRAN JABATAN**

Pentadbiran organisasi Jabatan Kastam berdasarkan kepada sistem carta organisasi yang mana dibahagikan kepada beberapa bahagian atau cawangan

Pengurusan, Perkhidmatan Teknik, Pencegahan, Cukai Dalaman dan Kastam. Dimana semua bahagian ini diketuai oleh Pengarah Kastam Negeri. Dibawah beliau pula terdiri daripada Penolong Kanan Pengarah Kastam dimana setiap unit atau bahagian terdiri tidak lebih dari seorang. Dibawah Penolong Kanan Pengarah Kastam pula terdiri beberapa Penguin Kastam yang bertindak membantu melaksanakan segala aktiviti. Pegawai Kastam Tinggi pula berada dibawah pengguna kastam dan merupakan tahap yang paling tinggi bagi pegawai – pegawai kastam sebelum menjawat gelaran jawatan pegawai kastam kanan.

Organisasi di jabatan ini mengamalkan sistem line organization dimana di jabatan ini kuasa atau arahan diturunkan daripada pihak atasan kepada pihak bawahan. Maknanya sesuatu arahan itu datangnya dari pengarah kastam terus kepada pegawai kastam.

Selain itu, jabatan ini mengamalkan pemusatkan kuasa atau centralization. Ini kerana setiap tindakan jabatan berdasarkan kepada polisi. Ia adalah langkah untuk mengelakkan segala kesilapan yang mungkin boleh berlaku daripada pihak bawahan. Contohnya sebarang tindakan yang memerlukan keputusan penting perlu kepada perbincangan dan persetujuan daripada pihak atasan

untuk memuaskan semua pihak tanpa wujudnya pertikaian. Dengan menggunakan pemusatkan kuasa ini, Jabatan Kastam dapat mengawal pemusatkan kuasa supaya segala operasi dan aktiviti yang dilaksanakan akan lebih terkawal.

Jabatan ini juga magamalkan pengagihan kuasa pusat iaitu decentralization. Dimana setiap Penolong Kanan pengarah Kastam atau penguasa Kastam boleh dan mempunyai hak dalam menyelesaikan masalah kecil yang timbul yang tidak perlu melibatkan pihak atasan dan tidak memberi kesan kepada jabatan. Dengan ini segala masalah kecil yang timbul dapat diatasi dengan segera tanpa menjelaskan perancangan dan aktiviti jabatan.

JKDRMT juga mengamalkan corak kepimpinan biokrasi. Kepimpinan ialah proses mempengaruhi individu untuk bekerja dengan lebih bersemangat untuk mencapai matlamat sesebuah organisasi atau jabatan. Kepimpinan penting dalam jabatan ini kerana ia menentukan halatuju dan kejayaan sesebuah jabatan.